

GARIS PANDUAN PERMOHONAN

PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI (TESP 2022) TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP)

Terbuka kepada pelajar yang **sedang** mengikuti pengajian secara sepenuh **masa peringkat Ijazah Pertama** dalam bidang tertentu di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terpilih di **dalam negara**.

MAKLUMAT PERMOHONAN

- Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di Portal MARA melalui pautan: www.mara.gov.my bermula **23 September (Jumaat) hingga 25 Oktober 2022 (Selasa), jam 5:00 petang**.
- Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat umum dan syarat akademik yang telah ditetapkan.
- **Permohonan dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.**
- Sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman.

SYARAT UMUM

- **Warganegara Malaysia.**
- **Pemohon** serta salah seorang ibu atau bapa bertaraf **Bumiputera**
- **Memenuhi syarat kelayakan Status Sosio-Ekonomi (SES) keluarga** seperti berikut:

Kategori Kelayakan	Pendapatan Bulanan	Pendapatan Bercukai Tahunan
Yuran & Elaun Sara Hidup	RM12,000 dan ke bawah	RM150,000 dan ke bawah
Yuran sahaja	RM12,001 - RM20,000	RM150,001 – RM250,000

Nota: Pengecualian syarat SES bagi pengajian dalam bidang Perubatan dan Pergigian sahaja.

- Ibu dan bapa/penjaga serta pelajar **tidak disenaraihitam oleh MARA.**
- Tidak pernah menerima pinjaman MARA bagi peringkat pengajian yang sama.
- Bagi pelajar yang mempunyai masalah kesihatan, pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.
- Had umur pemohon adalah **tidak melebihi 40 tahun** semasa permohonan dibuat.

SYARAT AKADEMIK

Pelajar Baharu

- Mendapat CGPA ≥ 3.00 di peringkat Asasi / Matrikulasi / Persediaan / STPM / Diploma serta setaraf;
- Telah mendapat tawaran **dan** mendaftar di IPT bermula **Januari 2022**.

Pelajar Sedia Ada

- Mendapat CGPA ≥ 3.00 bagi semester terdahulu; DAN
- Mempunyai baki tempoh pengajian tidak kurang dari satu (1) tahun.

Lain-Lain Syarat

- Lulus dengan kepujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat SPM.
- Kelayakan akademik bagi program Perubatan, Pergigian dan Farmasi mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Badan-Badan Profesional.

BIDANG DAN SUB BIDANG TERPILIH



CARA MEMOHON

Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di <http://www.mara.gov.my> bermula **23 September 2022 sehingga 25 Oktober 2022 (jam 5:00 petang)**. Calon hendaklah memastikan maklumat lengkap telah diisi. **Calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan serta perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.**

Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.**

Sebarang pertanyaan mengenai program dan masalah teknikal boleh dibuat dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang melalui emel ke alamat seperti berikut:

- f) tespua@mara.gov.my (bagi permohonan di IPTA)
- g) tespipts@mara.gov.my (bagi permohonan di IPTS)
- h) tespuglumi@mara.gov.my (bagi permohonan di GLU dan GMI)
- i) tespunikl@mara.gov.my (bagi permohonan di UniKL)
- j) tespkptm@mara.gov.my (bagi permohonan di KUPTM/KPTM)

SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) TERPILIH

A. UNIVERSITI AWAM

B. GOVERNMENT LINKED UNIVERSITY (GLU)

1. UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS
2. UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
3. UNIVERSITI MULTIMEDIA
4. UNIVERSITI KUALA LUMPUR

C. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

1. ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION
2. ASIAN INSTITUTE OF MEDICINE, SCIENCE AND TECHNOLOGY
3. BERJAYA UNIVERSITY
4. CITY UNIVERSITY
5. HELP UNIVERSITY
6. INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR
7. INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY
8. INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY
9. KDU UNIVERSITY COLLEGE
10. KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
11. LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE
12. MAHSA UNIVERSITY
13. MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY
14. NILAI UNIVERSITY
15. PERDANA UNIVERSITY
16. SEGI UNIVERSITY
17. SUNWAY UNIVERSITY
18. TATI UNIVERSITY COLLEGE
19. TAYLORS UNIVERSITY
20. UCSI UNIVERSITY
21. UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
22. UNIVERSITY OF CYBERJAYA
23. CURTIN UNIVERSITY MALAYSIA
24. MONASH UNIVERSITY MALAYSIA
25. NEWCASTLE UNIVERSITY MEDICINE MALAYSIA
26. SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS
27. UNIVERSITY OF NOTTINGHAM MALAYSIA CAMPUS
28. UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
29. MANIPAL INTERNATIONAL UNIVERSITY
30. ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY
31. HERRIOT-WATT UNIVERSITY MALAYSIA
32. QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY PERAK
33. TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY COLLEGE
34. WIDAD UNIVERSITY COLLEGE
35. LINTON UNIVERSITY COLLEGE

36. KPJ HEALTHCARE UNIVERSITY COLLEGE
37. UNIVERSITY COLLEGE BESTARI
38. KUALA LUMPUR METROPOLITAN UNIVERSITY COLLEGE
39. UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY SARAWAK
40. UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
41. PENANG INTERNATIONAL DENTAL COLLEGE

Nota:

1. Senarai program yang ditawarkan mengikut institusi boleh dirujuk di **Lampiran 1**.
2. Pemilihan institusi berasaskan program yang ditawarkan memenuhi syarat bidang yang ditetapkan dan mendapat sekurang-kurangnya penilailan terkini 4 SETARA dan ke atas atau diiktiraf oleh Badan-badan Profesional (bagi pengajian bidang Perubatan dan Pergigian).